



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harian Metro
Date	6/3/2011

Dr M gesa Melayu cuba berdikari

» Oleh **RIADZ RADZI**
riadz@hmetro.com.my

JITRA: "Buanglah tongkat dan cuba berjalan dengan kaki sendiri," kata mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan orang Melayu supaya jangan terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan kerana ia tidak akan kekal selama-lamanya.

Dr Mahathir berkata orang Melayu masih memerlukan bantuan kerajaan kerana matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) belum tercapai tetapi pada masa sama, dia mengingatkan kaum itu supaya jangan berharap bantuan itu kekal selama-lamanya.

"Kita perlukan masa lagi bagi mencapai madamat DEB, tetapi jangan fikir sampai bila-bila pun kita akan dapat pertolongan. Jangan percaya sangat kepada pengedaran bantuan yang kita terima daripada kerajaan.

"Kita kena ingat bila tiada lagi DEB atau kerajaan yang dipilih rakyat nanti tidak lagi bersimpati dengan kita, kita mesti boleh meneruskan kehidupan dan kekal dalam perniagaan.

"Jika kita sentiasa berjalan menggunakan tongkat (bantuan kerajaan) yang diberi, sampai bila pun kaki kita tidak kuat," katanya ketika berucap pada majlis makan malam amal Persatuan Kon-

traktor Melayu Malaysia (PKMM) Kedah di sini, malam kelmarin.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak; Presiden PKMM, Datuk Mokhtar Samad dan Naib Presiden PKMM yang juga Yang Dipertua PKMM Kedah, Ahmad Fatahi Omar.

Dr Mahathir berkata beliau mahu orang Melayu, terutama yang terbabit dalam bidang perniagaan, kontraktor atau industri, agar meningkatkan keupayaan supaya dapat bersaing dengan kaum lain jika ditakdirkan kerajaan terpaksa menghentikan bantuan kepada mereka satu hari nanti.